

23 APR 1999

Ting-Setinggalan

PERUMAHAN KOS RENDAH MENGUTAMAKAN SETINGGAN, KATA TING

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Projek perumahan kos rendah yang membabitkan pembinaan 35,000 unit rumah pangsa di Wilayah Persekutuan adalah khusus untuk menampung penduduk setinggalan di sekitar ibu kota.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata ianya satu daripada langkah kerajaan untuk mengatasi masalah perkampungan setinggalan yang semakin bertambah sekarang.

"Jumlah itu (35,000 unit) masih tidak cukup," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Duta Besar China ke Malaysia Guan Dengming di sini, hari ini.

Dr Ting berkata, projek itu yang sedang dilaksanakan secara berperingkat dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun dengan kos pembinaan bagi setiap rumah antara RM43,000 dan RM44,000.

"Ia akan disewakan pada kadar RM124 sebulan bagi setiap keluarga," katanya lagi.

Menurut kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, kajian awal 1998 menunjukkan terdapat 1,044,100 penduduk setinggalan di seluruh negara dan daripada jumlah itu 917,160 adalah penduduk tempatan dengan tumpuan di kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Dr Ting berkata, setiap negeri kini telah mengatur strategi tertentu bagi mengatasi masalah setinggalan masing-masing.

"Masalah ini mengambil masa dan perlu diselesaikan secara berperingkat," katanya.

Sementara itu berhubung pertemuan beliau dengan Guan Dengming, Dr Ting berkata antara perkara yang dibincangkan termasuklah industri perumahan di negara ini.

"Kerajaan China tertarik dengan kepesatan industri perumahan di negara kita dan dalam pertemuan tadi Kementerian telah menjemput Menteri Pembinaan China untuk datang ke sini bagi tujuan bertukar pandangan," katanya.

-- BERNAMA

NM PR